



مجلس دایره کوالا پیل

MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada **WARGANEGARA MALAYSIA** dan keutamaan diberi kepada **RAKYAT NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS** yang berkelayakan dan **BERUMUR TIDAK KURANG 18 TAHUN** pada tarikh iklan ditutup untuk memenuhi jawatan kosong seperti berikut :

### JAWATAN PEMBANTU KHIDMAT AM GRED H1

**Klasifikasi Perkhidmatan** : Kemahiran

**Kumpulan Perkhidmatan** : Pelaksana

**Jumlah Kekosongan** : 1 (satu)

**Taraf perkhidmatan** : Kontrak (*Contract For Service*)

**Kadar Upah Perkhidmatan Sebulan** RM2,115.00

**SYARAT LANTIKAN** : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- a.
  - i. Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

ii. Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,500.00); atau

iii. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,561.00); atau

iv. SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan pada Gred W1: RM1,622.00)

b. Dan

v. Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(b))

i. Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P)] dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau

ii. Bagi tugas pengendalian kren, calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

- SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU** : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- KEUTAMAAN KEPADA CALON** : Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam pengendalian kenderaan.
- DESKRIPSI TUGAS** : Bertanggungjawab melaksanakan skop tugas pemanduan kenderaan yang memerlukan lesen memandu yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan serta menjaga kenderaan/jentera di bawah kelolaannya supaya sentiasa berada dalam keadaan bersih dan selamat untuk setiap perjalanan. Antara kenderaan/jentera yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini ialah kereta, van, kenderaan ringan pacuan empat roda, bas, lori, dumper, roller dan traktor pertanian.

Senarai tugas:

- a. **Pemanduan Rasmi:** Memandu kereta, van, bas, atau lori untuk urusan rasmi pegawai/kakitangan jabatan.
- b. **Penyelenggaraan Kenderaan:** Memastikan pemeriksaan rutin dilakukan (minyak enjin, brek, air radiator, tayar, lampu) sebelum memulakan perjalanan.
- c. **Kebersihan dan Keselamatan:** Menjaga kebersihan dalaman dan luaran kenderaan serta memastikan kenderaan dikunci dan diletakkan di tempat selamat.
- d. **Dokumentasi:** Mengemaskini buku log perjalanan, merekodkan jarak perjalanan (milage), penggunaan bahan api, dan tol.
- e. **Pematuhan Peraturan:** Memiliki lesen memandu yang sah, mematuhi had laju, dan peraturan lalu lintas.

- f. **Laporan Kerosakan:** Melaporkan segera sebarang kerosakan teknikal atau kemalangan kepada pegawai bertanggungjawab.

#### **CARA MEMOHON:**

1. Permohonan hendaklah menggunakan **BORANG PERMOHONAN JAWATAN DALAM PERKHIDMATAN MDKP** yang diperolehi secara **PERCUMA** daripada Bahagian Sumber Manusia di Dewan Mesyuarat MDKP, Majlis Daerah Kuala Pilah pada waktu pejabat mulai dari tarikh jawatan diiklankan iaitu **13 April 2026**.
2. Borang juga boleh dimuatturun daripada laman web rasmi MDKP, <http://www.mdkp.gov.my>. Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dan pastikan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini dan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang terkini disertakan bersama seperti di jelaskan di dalam PU (A)176/2005.
3. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil yang diakui sah oleh mereka yang berkeelayakan seperti Pegawai Kerajaan Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional), Pegawai Kumpulan Sokongan 1, Penghulu, Jaksa Pendamai, Pesuruhjaya Sumpah, Pengerusi Jawatan Kuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan setaraf dengannya beserta gambar berukuran passport yang dialamatkan kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH  
72009 KUALA PILAH  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**TARIKH TUTUP IKLAN: 27 APRIL 2026**

4. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul surat semasa memohon. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-
  - i. Satu Salinan MyKad / Kad Pengenalan diri;
  - ii. Satu Salinan Sijil Kelahiran / Surat Beranak;
  - iii. Satu Salinan Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran Ibu dan Bapa;
  - iv. Satu Salinan SPM/SPMV/SVM atau setaraf
  - v. Satu Salinan Sijil Berhenti Sekolah
  - vi. Satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport;
5. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga dengan setiap keputusan temu duga adalah muktamad.
6. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temu duga adalah ditanggung oleh calon sendiri.
7. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 1 tahun dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.
8. Borang yang tidak lengkap seperti **TIADA** tandatangan, **TIADA** pengesahan (salinan diakui sah) dan **TIADA** gambar akan ditolak.



.....  
(~~NAWAL BINTI MOHAMED AMIN~~)  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

Sebarang pertanyaan/maklumat lanjut sila hubungi :

No. Tel : 06-4260000/ 4260001

No. Faks: 06-4260004

Email : [mdkp@mdkp.gov.my](mailto:mdkp@mdkp.gov.my)

Laman web: <http://www.mdkp.gov.my>